

## HUBUNGAN ALAM SEKITAR DENGAN KAKITANGAN TENAGA NASIONAL BERHAD.

7 November 2022 - Alor Setar, Kedah

Tenaga Nasional Berhad Alor Setar mengajak kakitangannya agar mewujudkan hubungan dengan alam sekitar melalui ceramah daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah bersempena Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bertempat di Pejabat Grid Penyelenggaraan TNB Wilayah Utara.

Dianggarkan seramai 60 orang kakitangan TNB yang terdiri daripada kakitangan teknikal telah meluangkan masa selama 2 jam bagi mengikuti ceramah yang bertajuk 'Hubungan Alam Sekitar dan Manusia'. Mereka juga menggunakan sebaik-baik kesempatan yang diberikan untuk mendalami pengetahuan berkaitan alam sekitar melalui sesi soal-jawab.

Diharapkan kesedaran penjagaan alam sekitar yang diterapkan kepada kakitangan TNB dapat dipraktikkan semasa melaksanakan pekerjaan dan diamalkan dalam masyarakat dan seterusnya bersama-sama menjayakan program-program pemuliharaan alam sekitar.

#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim

#jasnegerikedah

#AlamSekitarTanggungjawabBersama